



**SITUASI SEMASA**  
**LAPORAN MINGGUAN DEMAM DENGGI NEGERI SELANGOR**  
 Bagi Minggu Epidemiologi 12/2025 (Tarikh 16.03.2025 - 22.03.2025)



**1. Analisa bilangan kes berdasarkan daerah**

Pada minggu epidemiologi (ME) 12 iaitu bagi tempoh **16 Mac 2025** hingga **22 Mac 2025**, **478** kes demam denggi telah dilaporkan di Negeri Selangor, iaitu **penurunan** sebanyak **3.0% (15 kes)** berbanding **493** kes pada minggu sebelumnya. Secara kumulatif dari **ME 1/2025** sehingga **ME 12/2025**, sebanyak **6,625** kes demam denggi telah dilaporkan iaitu **penurunan** sebanyak **69.8% (15,306 kes)** berbanding minggu yang sama tahun **2024 (21,931 kes)**. Sebanyak **dua (2)** kes kematian denggi telah dilaporkan setakat ini berbanding **tiga (3)** kes sehingga tempoh yang sama pada tahun lepas.

**Jadual 1: Perbandingan bilangan kes demam denggi mengikut daerah berdasarkan ME dan tahun sebelumnya**

DAERAH	KES			KUMULATIF KES SEHINGGA		
	ME 11/2025	ME 12/2025	% Peningkatan/ Penurunan	ME 12/2024	ME 12/2025	% Peningkatan/ Penurunan
GOMBAK	49	38	-22.4%	2,499	723	-71.1%
HULU LANGAT	64	65	1.6%	5,962	971	-83.7%
HULU SELANGOR	13	14	7.7%	481	133	-72.3%
KLANG	84	101	20.2%	3,099	1,299	-58.1%
KUALA LANGAT	11	17	54.5%	621	221	-64.4%
KUALA SELANGOR	35	24	-31.4%	327	340	4.0%
PETALING	204	195	-4.4%	7,776	2,549	-67.2%
SABAK BERNAM	4	2	-50.0%	39	28	-28.2%
SEPANG	29	22	-24.1%	1,127	361	-68.0%
<b>SELANGOR</b>	<b>493</b>	<b>478</b>	<b>-3.0%</b>	<b>21,931</b>	<b>6,625</b>	<b>-69.8%</b>

ME 11/2025 = (9.3.2025 - 15.3.2025)

ME 12/2025 = (16.3.2025 - 22.3.2025)

**SITUASI SEMASA****LAPORAN MINGGUAN DEMAM DENGGI NEGERI SELANGOR**

Laporan Mingguan Epidemiologi 12/2025 (Tarikh 16.03.2025 - 22.03.2025)

**2. Analisa bilangan kes berdasarkan mukim**

Negeri Selangor mempunyai 56 mukim dan mukim yang menunjukkan bilangan kes tertinggi pada **ME 12/2025** adalah **Klang** (70 kes), **Petaling** (67 kes), **Damansara** (67 kes), **Sg Buloh** (54 kes), dan **Kapar** (31 kes). Secara kumulatif, mukim dengan bilangan kes tertinggi adalah **Klang** (978 kes), diikuti oleh **Damansara** (947 kes), **Sungai Buluh** (719 kes), **Petaling** (694 kes) dan **Kajang** (340 kes).

**Jadual 2: Perbandingan bilangan kes demam denggi mengikut mukim berdasarkan ME**

DAERAH	MUKIM	BILANGAN KES		
		ME 11/2025	ME 12/2025	KUMULATIF 2025
Petaling	Sungai Buluh	68	54	719
	Petaling	49	67	694
	Damansara	75	67	947
	Bukit Raja	12	7	189
Hulu Langat	Kajang	26	16	340
	Hulu Langat	1	1	23
	Ampang	9	22	206
	Cheras	19	20	242
	Semenyih	2	3	91
	Beranang	6	2	60
	Hulu Semenyih	1	1	9
Gombak	Batu	17	11	274
	Hulu Kelang	13	7	101
	Rawang	9	15	169
	Kuang	8	2	77
	Setapak	2	3	102
Klang	Klang	59	70	978
	Kapar	25	31	321
Sepang	Labu	2	4	58
	Dengkil	25	16	274
	Sepang	2	2	29
Sabak Bernam	Bagan Nakhoda Omar	0	0	0
	Pancang Bedena	0	0	11
	Pasir Panjang	2	0	9
	Sabak	1	1	4
	Sungai Panjang	1	1	4

ME 11/2025 = (9.3.2025 - 15.3.2025)

ME 12/2025 = (16.3.2025 - 22.3.2025)

**SITUASI SEMASA****LAPORAN MINGGUAN DEMAM DENGGI NEGERI SELANGOR**  
Bagi Minggu Epidemiologi 12/2025 (Tarikh 16.03.2025 - 22.03.2025)**Jadual 2: Perbandingan bilangan kes demam denggi mengikut mukim berdasarkan ME (sambungan)**

DAERAH	MUKIM	BILANGAN KES		
		ME 11/2025	ME 12/2025	KUMULATIF 2025
Hulu Selangor	Serendah	4	2	64
	Batang Kali	1	2	23
	Ampang Pecah	1	0	1
	Hulu Bernam	4	7	26
	Kalumpang	1	1	6
	Hulu Yam	1	0	4
	Rasa	0	1	6
	Kerling	0	1	2
	Buluh Telur	0	0	0
	Pertak	0	0	0
	Sg. Gumut	1	0	1
	Sg. Tinggi	0	0	0
	Kuala Kalumpang	0	0	0
	Kuala Selangor	Ijok	11	8
Tanjung Karang		2	0	8
Jeram		4	3	34
Kuala Selangor		17	10	111
Pasangan		0	0	6
Hujung Permatang		0	3	5
Api-Api		0	0	6
Batang Berjuntai		1	0	17
Hulu Tinggi		0	0	0
Kuala Langat	Tanjung 12 (1)	0	6	80
	Tanjung 12 (2)	4	4	35
	Teluk Panglima Garang	5	7	80
	Batu	1	0	9
	Morib	0	0	5
	Jugra	1	0	7
	Bandar	0	0	3
	Kelanang	0	0	2
<b>SELANGOR</b>		<b>493</b>	<b>478</b>	<b>6,625</b>

ME 11/2025 = (9.3.2025 - 15.3.2025)

ME 12/2025 = (16.3.2025 - 22.3.2025)



### 3. Analisa bilangan lokaliti wabak

Jumlah lokaliti wabak denggi aktif pada hari ke-tujuh (Sabtu) **ME 12/2025** adalah sebanyak **155** dengan perincian **lokaliti hotspot 12, wabak tak terkawal 20 dan wabak terkawal 123**. Bilangan lokaliti *hotspot* berdasarkan daerah adalah Petaling 8, Kuala Selangor 2, Hulu Langat dan Klang masing-masing 1. Senarai lokaliti wabak tak terkawal dan *hotspot* adalah seperti di Lampiran C.

**Jadual 3: Bilangan lokaliti wabak mengikut daerah**

Daerah	Bilangan Lokaliti Wabak						Jumlah Lokaliti Wabak Aktif	
	Wabak Terkawal		Wabak Tak Terkawal		Hotspot		ME 11/2025	ME 12/2025
	ME 11/2025	ME 12/2025	ME 11/2025	ME 12/2025	ME 11/2025	ME 12/2025		
Petaling	64	68	6	8	11	8	81	84
Hulu Langat	21	19	1	3	1	1	23	23
Gombak	2	2	1	1	0	0	3	3
Klang	29	29	6	7	3	1	38	37
Sepang	0	0	0	0	0	0	0	0
Hulu Selangor	2	0	0	1	0	0	2	1
Kuala Langat	4	1	0	0	0	0	4	1
Kuala Selangor	3	4	0	0	2	2	5	6
Sabak Bernam	2	0	0	0	0	0	2	0
<b>SELANGOR</b>	<b>127</b>	<b>123</b>	<b>14</b>	<b>20</b>	<b>17</b>	<b>12</b>	<b>158</b>	<b>155</b>

**Wabak Terkawal** : dua atau lebih kes dilaporkan di lokaliti yang sama dalam tempoh 14 hari.

**Wabak Tak Terkawal** : terdapat pertambahan kes selepas hari ke 14 dari tarikh kes kedua dilaporkan.

**Hotspot** : lokaliti wabak aktif berlarutan melebihi tempoh 30 hari dari tarikh wabak aktif bermula.

Tarikh wabak aktif bermula dari tarikh kes kedua dilaporkan.

### 4. ULASAN

1. Pada ME 12/2025, sejumlah 478 kes demam denggi telah dilaporkan, menunjukkan penurunan sebanyak 3% atau 15 kes berbanding ME 11/2025. Kumulatif kes demam denggi di Negeri Selangor kini berjumlah 6,625 kes dan mencatatkan penurunan ketara sebanyak 69.8% (15,306 kes) berbanding minggu yang sama tahun 2024 (21,931 kes).

2. Jumlah lokaliti wabak aktif pula menunjukkan penurunan, dengan 155 lokaliti pada ME 12/2025 berbanding 158 lokaliti pada ME 11/2025. Daerah Petaling kekal sebagai kawasan dengan lokaliti wabak aktif tertinggi, mencatatkan 84 lokaliti, termasuk 8 daripadanya sebagai hotspot. Sementara itu, daerah yang mencatatkan lokaliti wabak kedua tertinggi ialah Klang iaitu 37 lokaliti dengan 1 lokaliti hotspot dan diikuti Hulu Langat dengan 23 lokaliti dan 1 daripadanya ialah lokaliti hotspot.

3. Pencegahan dan kawalan denggi memerlukan kerjasama dari seluruh lapisan masyarakat. Sehubungan itu, pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor menyarankan agar setiap individu dan masyarakat mempergiatkan aktiviti mencari dan menghapuskan tempat pembiakan di kawasan kediaman dan persekitaran tempat tinggal selama 10 minit, sekurang-kurangnya untuk satu kali seminggu.

4. Aktiviti ini mampu dilaksanakan dengan mudah melalui langkah-langkah berikut:

- Memeriksa bahagian dalam dan luar (persekitaran) kediaman untuk mencari tempat berpotensi pembiakan aedes;
- Memusnahkan semua takungan air yang tidak digunakan atau meletakkan ubat pembunuh jentik-jentik dalam tempat takungan air yang tidak dapat dimusnahkan;
- Bagi takungan air kekal yang disimpan untuk kegunaan, hendaklah sentiasa ditutup rapat dan diletakkan ubat pembunuh jentik-jentik serta diperiksa seminggu sekali.
- Memakai repellen dan pakaian yang menutupi lengan dan kaki untuk mengelakkan gigitan nyamuk.
- Melaksanakan gotong royong di tempat awam secara berkala


5. Sebarang maklumat tambahan berkaitan kawalan dan pencegahan denggi boleh diperolehi melalui <https://www.infosihat.gov.my/index.php/demam-denggi> dan <https://idengue.mysa.gov.my/>

Tarikh: 24/3/2025


Sumber data : e-Dengue

Disemak oleh : Dr Haneem binti Abd Hamid  
 Jawatan : Pegawai Perubatan  
 Unit : Kawalan Penyakit Bawaan Vektor  
 Tarikh : 24/03/2025


**CARTA KES MINGGUAN DENGGI YANG DIDAFTAR BAGI TAHUN 2024-2025  
(NEGERI SELANGOR)**




**CARTA KES MINGGUAN DENGGI YANG DIDAFTAR BAGI TAHUN 2024-2025  
(PETALING)**




**CARTA KES MINGGUAN DENGGI YANG DIDAFTR BAGI TAHUN 2024-2025  
(HULU LANGAT)**




**CARTA KES MINGGUAN DENGGI YANG DIDAFTR BAGI TAHUN 2024-2025  
(KLANG)**




**CARTA KES MINGGUAN DENGGI YANG DIDAFTR BAGI TAHUN 2024-2025  
(GOMBAK)**




**CARTA KES MINGGUAN DENGGI YANG DIDAFTR BAGI TAHUN 2024-2025  
(SEPANG)**



**CARTA KES MINGGUAN DENGGI YANG DIDAFTR BAGI TAHUN 2024-2025  
(HULU SELANGOR)**




**CARTA KES MINGGUAN DENGGI YANG DIDAFTR BAGI TAHUN 2024-2025  
(KUALA SELANGOR)**







**CARTA KES MINGGUAN DENGGI YANG DIDAFTR BAGI TAHUN 2024-2025  
(KUALA LANGAT)**



**CARTA KES MINGGUAN DENGGI YANG DIDAFTR BAGI TAHUN 2024-2025  
(SABAK BERNAM)**





Senarai lokaliti wabak tak terkawal dan *Hotspot* di Selangor

Tarikh Aktiviti: 22/3/2025

BIL	DAERAH	MUKIM	LOKALITI WABAK	JUMLAH KES
<b>WABAK TAK TERKAWAL</b>				
1	GOMBAK	HULU KELANG	FLAT AL-RIDHUAN	9
2	HULU LANGAT	KAJANG	TAMAN TENAGA DAN RUMAH KEDAI JALAN 1 TAMAN TENAGA	7
3	HULU LANGAT	AMPANG	JALAN 9-9C LEMBAH JAYA SELATAN	6
4	HULU LANGAT	AMPANG	APPT GLENVIEW VILLA TAMAN MAWAR	7
5	HULU SELANGOR	HULU BERNAM	APT. SRI BESTARI, TMN BAHTERA	12
6	KLANG	KLANG 01	KAMPUNG SUNGAI UDANG 04	9
7	KLANG	KLANG (MBSA 01)	SEKSYEN 32 (JALAN SUNGAI CONGKAK 32/51A - 32/51F)	15
8	KLANG	KAPAR 01	APARTMENT SMART SEWA JALAN KERETAPI LAMA	4
9	KLANG	KLANG 01	TAMAN SENTOSA PERDANA 05	7
10	KLANG	KLANG 01	KAMPUNG PENDAMAR 03	4
11	KLANG	KLANG 01	TAMAN SRI ANDALAS 06	4
12	KLANG	KLANG 01	TAMAN DESAWAN 01	4
13	PETALING	8. PETALING (MBSJ)	E15. TMN SAUJANA PUCHONG SP 7	16
14	PETALING	2. DAMANSARA (MBSA)	E1. SEKSYEN 6 (KUARTERS POLIS)	7
15	PETALING	7. DAMANSARA (MBSJ)	E13. PJS 7/13 (SUNWAY COURT) BLOK A, B, C, D	8
16	PETALING	8. PETALING (MBSJ)	E15. TMN PUCHONG UTAMA 7 (COURT 2) BLOK AA, BB, CC, DD, EE, FF, GG, HH	4
17	PETALING	7. DAMANSARA (MBSJ)	E13. SS 16 (E-TIARA SERVICED APARTMENT, JLN KEMAJUAN)	6
18	PETALING	8. PETALING (MBSJ)	E15. TMN PUCHONG PERMAI 1 (PERMAI VILLA)	8
19	PETALING	8. PETALING (MBSJ)	E15. BDR KINRARA 3 (JLN 3)	6
20	PETALING	2. DAMANSARA (MBSA)	E3. SEKSYEN 26 (FLAT PPRT BLOK A,B,C)	4

BIL	DAERAH	MUKIM	LOKALITI WABAK	JUMLAH KES
<b>HOTSPOT</b>				
1	HULU LANGAT	CHERAS	APPT JALAN PENGHULU BANDAR MAHKOTA CHERAS	44
2	KLANG	KLANG 01	KAMPUNG DELEK KIRI 04	8
3	KUALA SELANGOR	KUALA SELANGOR	TAMAN PADUKA (JALAN 1-8)	29
4	KUALA SELANGOR	KUALA SELANGOR	BANDAR BARU (LORONG MELUR)	22
5	PETALING	2. DAMANSARA (MBSA)	E3. SEKSYEN 27 (FLAT G : BLOK 37 - 39)	56
6	PETALING	2. DAMANSARA (MBSA)	E1. SEKSYEN 8 (FLAT B : BLOK 11 - 22 )	12
7	PETALING	2. DAMANSARA (MBSA)	E3. SEKSYEN 27 (FLAT E : BLOK 26 - 30)	35
8	PETALING	5. DAMANSARA (MBPJ)	E11. SRI PJU 1A PPRT LEMBAH SUBANG 2 (BLOK A-E)	8
9	PETALING	3. SUNGAI BULOH (MBSA)	E5. SEKSYEN U5 (PANGSAPURI SUBANG SURIA : BLOK 1 - 8)	8
10	PETALING	2. DAMANSARA (MBSA)	E1. SEKSYEN 8 (FLAT A : BLOK 1 - 10 )	10
11	PETALING	4. SUNGAI BULOH (MBPJ)	E7. KD PJU 5 SEK 6 PALMA PERAK	11
12	PETALING	8. PETALING (MBSJ)	E15. TMN PUCHONG PERDANA 4 (FLAT BLOK A-G)	5